


Banjir Pantai Timur tambah buruk, 4,228 dipindah

Kota Bharu: Banjir yang melanda pantai Timur bertambah buruk, apabila 1,072 mangsa di Kelantan dan 3,156 penduduk di Terengganu dipindahkan ke pusat pemindahan sementara, petang semalam.

Pada masa sama, 33 sekolah membatikan 11,047 pelajar dari Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang dan Pasir Puteh terputus hubungan dan ditutup sejak kelmarin.

Di **Terengganu**, 27 sekolah ditutup membatikan sekurang-kurangnya 13,373 pelajar di Besut, Setiu dan Hulu Terengganu.

Mengikut portal banjir Kelantan, pemindahan itu membatikan 346 mangsa di



Firdaus Nazri, 10, dari SK Sri Rantau Panjang (1) menyelamatkan beberapa al-Quran daripada ditenggelami banjir selepas sekolah ditutup semalam.

[FOTO FATHIL ASRI/BH]



Said Deraman, 84, dari Kampung Kubang Puyuh dihantar ke Hospital Pasir Mas, semalam.

[FOTO FATHIL ASRI/BH]

3 rumah dihanyutkan bah

B/H 127 28/2/13 MS 16

» *Pemilik kediaman berada di pusat pemindahan ketika kejadian*

Oleh **Mohammad Ishak**
bhkt@bharian.com.my

► **Jertih**

Sebahagian tiga rumah penduduk Kampung La, Hulu Besut dihanyutkan banjir yang melanda kampung berkenaan, kelmarin.

Ketika kejadian pada jam 5 petang, semua pemilik rumah terbabit bersama 200 penduduk sudah berpindah ke pusat pemindahan di Masjid Kampung La, kira-kira dua kilometer daripada rumah mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung La, Zakaria Musa, berkata hanya sebahagian rumah terbabit dihanyutkan arus deras, manakala sebahagiannya masih kekal di tapak asal.

Hilang dapur

“Sebuah daripadanya hanya hilang bahagian dapur, manakala yang lainnya membabitkan bahagian tengah serta depan rumah.

“Kampung terbabit hampir ditenggelami air ketika hujan lebat berterusan hingga jam 12 tengah hari kelmarin tetapi tiada kemalangan jiwa dilaporkan,” katanya yang ditemui



Rumah milik Zakaria Ibrahim yang rosak teruk selepas dihanyutkan arus deras petang semalam di Kampung La, Hulu Besut.
(FOTO MOHAMAD ISHAK/BH)

di sini, semalam.

Pemilik rumah terbabit, Zakaria Ibrahim, 45, berkata kejadian banjir itu hampir sama dengan bencana yang melanda pada 2000 apabila tujuh rumah di kampung itu dihanyutkan arus deras.

Syukur semua selamat

“Walaupun kehilangan rumah tempat berlindung, saya bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa berlaku.

“Kami sempat berpindah ke pusat pemindahan sebelum air naik naik dengan mendadak,” katanya.

Hingga petang semalam, semua mangsa masih berada di pusat pemindahan kerana bimbang banjir berulang berikutan hujan masih berterusan.

Sementara itu, lebih 30,000

penduduk di Hulu Besut masih terputus hubungan dengan Bandar Jertih apabila laluan ke kawasan terbabit masih terputus kerana ditenggelami air.

Jalan utama di Kampung Bekok ditenggelami air sedalam tiga meter dan semua kenderaan tidak boleh melaluinya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Besut, Nawi Mohamad bersama kakitangan Pejabat Daerah Besut gagal untuk pergi ke kawasan berkenaan walaupun menggunakan lori.

“Sebahagian rumah dihanyutkan arus deras, manakala sebahagiannya kekal di tapak asal, sebuah hilang bahagian dapur, manakala yang lainnya membabitkan bahagian tengah serta depan rumah”

Zakaria Musa,
Pengerusi JKKK Kampung La

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

Pasir Mas diikuti Tanah Merah (206), Tumpat (241), Kuala Krai (71), Pasir Puteh (67), Kota Bharu (24) dan Machang (17).

Pengarah Pelajaran Kelantan, Hussin Awang, berkata tujuh sekolah ditutup di Tanah Merah membabitkan Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Panjang: SK Kulim; SK Ladang Kerila: SK Sokor: SK Tebing Tinggi: SMK Ladang Kerila dan SABK Kuala Kajang.

Di Pasir Mas pula, 13 sekolah ditutup, SMK Rantau Panjang: SABK Diniah Bongor: SK Rahmat: SK Kok Pauh: SK Kg Baru: SK Kubang Kuau: SK Baroh Pial: SK Lubok Stol: SK Rantau Panjang: SK Bukit Jarum: SK Khay Boon: SK Bakong dan SMK Tiang Chandi.

“Satu sekolah ditutup di Tumpat iaitu SK Pulau Beluru, manakala Kuala Krai, empat sekolah ditutup iaitu SK Karangan: SK Pemberian: SK Pasir Kelang: dan SK Kuala Nal,” katanya.

Hussin berkata, di Machang pula membabitkan SK Pangkal Nering: SK kampung Kerila dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa.

Di Kuala Terengganu, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan semalam meningkat kepada 3,156 orang berbanding 758 mangsa yang ditempatkan di 15 pusat pemindahan, kelmarin.

Semua mangsa banjir dari Besut, Setiu, Hulu Terengganu dan Dungun dipindahkan ke 42 pusat pemindahan sehingga jam 5 petang, semalam.

Pemindahan itu membabitkan 2,177 orang di Besut, Setiu, 618 mangsa, diikuti Hulu Terengganu 339 mangsa serta Dungun dan 22 mangsa.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu, Hashim Mohd Zin, berkata 14 sekolah di Besut ditutup iaitu SMK Bukit Payong, SMK Putera, SMK Tembila, Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Payong, SK Pasir Akar, SK Darau, SK Alor Keladi.

Selain itu, SK Lubuk Kawah, SMKA Wataniah, SK Tembila, SK Pusat, SRJKC Chung Hwa, SK Kampung Nangka dan SK Alor Lintah.

“Di Hulu Terengganu lapan sekolah ditutup iaitu SK Bukit Tadok, SK Matang, SK Teris, SK Tengkwang, SK Padang Setebu, SK Kuala Ping, SK Kuala Jeneris dan SMK Kuala Jeneris.

“Lima sekolah di Setiu masih ditenggelami air membabitkan SK Kampung Bukit, SK Sungai Las, SK Langkap, SK Kampung Besut dan SK Kampung Buloh,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.